



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

Bahagian Industri Perkhidmatan,
No. 13, Aras 9, Blok Menara,
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62623 PUTRAJAYA, MALAYSIA



Tel: 603-8882 6205
Faks: 603-8882 6490
Laman Web: www.kpdnkk.gov.my

KPDN (BIP)26/709-712/75 (4)

16 Februari 2015

Pengarah Urusan

Alezdehar Sdn. Bhd. (1065591-X)

C3-2-2A, Solaris Dutamas,
Jalan Duta No. 1,
50480 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2631 7132
Faks : 03-2631 7134

Tuan,

**PERMOHONAN MENJALANKAN PERNIAGAAN DALAM SEKTOR
PERKHIDMATAN YANG TIDAK DIKAWAL SELIA**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Perdagangan Pengedaran bertarih 13 Februari 2015 telah **meluluskan** permohonan menjalankan perniagaan dengan syarat-syarat seperti di **Lampiran A**. Kelulusan ini adalah untuk tempoh **dua (2) tahun** dari tarikh surat ini bagi aktiviti: *"providing professional advisory and consultancy services of all description to companies, businesses, partnership and/or individuals with focus on promoting cross border trade and investment"*.

3. Sila ambil maklum bahawa Kementerian ini berhak **membatalkan** kelulusan ini pada bila-bila masa dan/atau kelulusan ini **terbatal dengan sendirinya**, sekiranya syarikat:

- (i) menjalankan aktiviti selain dari kelulusan yang diberikan; dan
- (ii) tidak mematuhi syarat-syarat kelulusan yang telah ditetapkan seperti di **Lampiran A**.

4. Syarikat juga perlu mendapatkan kelulusan secara berasingan bagi setiap penambahan cawangan. Sebarang permohonan lanjutan, hendaklah



CERTIFIED TO ISO 9001:2008



menggunakan Borang WRT 1 bagi *Wholesale and Retail Trade (WRT)* ini sebelum tempoh kelulusan ini tamat.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(HANISAN HASHIM ABDULLAH)

Pengarah,
Bahagian Industri Perkhidmatan
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan

s.k:

**Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri**
Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri
Menara Hasil, Aras 14,
Persiaran Rimba Permai Cyber 8,
63000, Cyberjaya
Selangor
(u.p: Pengarah, Bahagian Pengesanan & Audit PCB)

Pengarah
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
Koperasi dan Kepenggunaan
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Tingkat 24 - 26, Putra Place
100, Jalan Putra
50622 KUALA LUMPUR

**SYARAT TAMBAHAN BAGI KELULUSAN
MENJALANKAN PERNIAGAAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN
YANG TIDAK DIKAWAL SELIA**

ALEZDEHAR SDN. BHD. (1065591-X)

Syarikat hendaklah:-

1. Mematuhi Garis Panduan Penyertaan Asing Dalam Sektor Perdagangan Pengedaran (Pindaan) 2010);
2. Mematuhi segala peraturan kecil tempatan yang dikenakan oleh pihak berkuasatempatan yang berkaitan;
3. Mengekalkan modal berbayar sekurang-kurangnya RM 1 juta pada setiap masa;
4. Menggaji guna tenaga syarikat dengan mencerminkan komposisi bilangan kaum penduduk Negara ini bagi semua peringkat jawatan, termasuk peringkat pengurusan;
5. Meningkatkan penggunaan lapangan terbang dan pelabuhan tempatan secara berperingkat dalam mengimport dan mengeksport barangan;
6. Menggunakan perkhidmatan syarikat-syarikat tempatan untuk khidmat guaman, audit dan perkhidmatan iktisas lain yang terdapat di Malaysia;
7. Mengemukakan laporan kewangan tahunan yang diaudit kepada Kementerian ini setiap tahun; dan
8. Memaklumkan kepada Kementerian sekiranya terdapat perubahan maklumat syarikat.
9. Kementerian berhak membatalkan atau menarik balik kelulusan ini sekiranya syarikat tidak beroperasi dalam tempoh 1 tahun selepas kelulusan diberikan.

Kementerian tanpa sebarang notis boleh **membatalkan atau menarik balik** kelulusan yang telah diberi sekiranya pihak syarikat gagal mematuhi syarat-syarat kelulusan yang ditetapkan seperti di atas.

**Jawatankuasa Perdagangan Pengedaran
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan**

Tarikh: **13 Februari 2015**